



Cambridge International Examinations
Cambridge International General Certificate of Secondary Education

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

0546/02

Paper 2 Reading and Directed Writing

May/June 2014

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, glue or correction fluid.

DO **NOT** WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions in **Section 1, Section 2 and Section 3**.

At the end of the examination, fasten all your work securely together.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

This document consists of **15** printed pages and **1** blank page.

Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5

Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:





1 Anda suka makan makanan laut. Di restoran anda pilih makanan ini:

A

B

C

D



[1]





2 Untuk membaca surat khabar bapa Andi memerlukan

A

B

C

D



[1]

3 Untuk bermain layang-layang, kita perlu hari yang ada

A hujan

B salji

C kilat

D angin

[1]

4 Kita mendengar menggunakan

A tangan

B hidung

C gigi

D telinga

[1]





5 Untuk belayar ke sebuah pulau kita mesti naik

A

B

C

D



[1]

[Jumlah: 5 markah]


Latihan 2 Soalan 6–10

Ann dan kawan-kawannya sedang bercakap tentang apa mereka akan buat untuk konsert sekolah mereka. Tulis huruf setiap orang dalam kotak yang betul mengenai rancangan mereka.


A	Ann suka bermain muzik.
B	Mazni ingin menari.
C	John mahu menyanyi.
D	Cherry lebih suka berlakon.
E	Amanda bercadang untuk melakukan gimnastik.
F	Charlie mahu membuat orang ketawa.



[1]




[1]



[1]



[1]



[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Sandra kehilangan beg di sebuah hotel semasa bercuti. Baca emel Sandra kepada pengurus hotel ini dan jawab soalan-soalan berikutnya dengan menandakan Betul atau Salah.

Encik Tan,

Saya kehilangan sebuah beg semasa saya tinggal di hotel anda. Saya bercuti selama seminggu di sana bersama kawan-kawan saya dan saya tinggal di bilik bujang, bilik nombor 106 di tingkat pertama.

Saya keluar dari hotel itu pada 25 Mac pada jam 11 pagi. Di dalam beg itu ada beberapa hadiah yang saya beli untuk keluarga saya, seperti kemeja T, dompet dan topi. Di dalam beg itu juga ada buku sekolah yang sangat penting bagi saya. Buku ini ialah buku sejarah.

Saya tidak pasti sama ada saya tertinggal beg itu di dalam bilik ataupun di lobi hotel itu semasa menunggu teksi ke lapangan terbang. Saya sedar beg itu tidak ada bersama saya semasa saya sampai di rumah.

Kalau anda menjumpai beg ini, tolong hubungi saya melalui emel ini atau melalui telefon bimbit saya, nombor 016-7802139. Saya sangat memerlukan buku sejarah itu supaya dapat mengulangkaji untuk peperiksaan saya tidak lama lagi.

Saya menunggu emel daripada anda.

Terima kasih.

Sandra Ahmad


	BETUL	SALAH
11 Sandra pergi bercuti seorang diri.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12 Di dalam beg Sandra ada barang yang dia beli untuk diri sendiri.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13 Sandra tidak pasti sama ada dia tertinggal beg itu di dalam bilik atau di lobi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14 Buku yang ada di dalam beg Sandra sangat penting kerana dia perlukan buku itu supaya dia boleh bersiap sedia untuk peperiksaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15 Sandra tidak boleh dihubungi melalui telefon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 4 Soalan 16

16 Anda berpindah ke sekolah baru. Tulis poskad kepada kawan anda untuk menceritakan kepadanya tentang sekolah baru ini, berpandukan gambar-gambar di bawah ini:


(a) Tulis mengenai bangunan sekolah anda dan kawasanannya



(b) Tulis mengenai apa yang anda suka tentang sekolah ini



(c) Tulis mengenai kawan-kawan baru di sekolah anda



Tulis tidak lebih daripada **40** perkataan.

	<div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; margin: 0 auto 10px auto;"></div> <hr style="width: 80%; margin: 0 auto;"/> <hr style="width: 80%; margin: 0 auto;"/> <hr style="width: 80%; margin: 0 auto;"/> <hr style="width: 80%; margin: 0 auto;"/>
--	---

[Jumlah: 5 markah]

TURN OVER FOR SECTION 2

Bahagian 2

Latihan 1 Soalan 17–24

Pengumuman di bawah ini ialah mengenai pelbagai program yang terdapat di sebuah pusat aktiviti baru untuk remaja. Baca dan jawab soalan-soalan berikutnya:

PUSAT AKTIVITI UNTUK KESIHATAN ROHANI & JASMANI

Untuk kesihatan jasmani dan minda anda, datanglah beramai-ramai ke pusat KESINDA. Pusat ini terbuka untuk semua remaja antara umur 12 tahun hingga 18 tahun. Anda perlu mendaftarkan diri sebagai ahli untuk mengguna kemudahan yang disediakan dan hanya perlu membayar yuran sekali sahaja sebanyak RM100.00.

Pusat ini dibiayai oleh beberapa buah syarikat di bandar ini yang mengambil berat tentang anak-anak muda di sini. Mereka mahu remaja pandai menggunakan masa dan tidak membuang masa di jalan-jalan raya dan juga di pusat-pusat hiburan. Mereka menyediakan kemudahan di sini untuk faedah para remaja. 5

Pusat ini dikelolakan oleh sukarelawan yang juga terdiri daripada anggota-anggota masyarakat di sini. Mereka ada pelbagai bakat dan kebolehan untuk membantu remaja dalam apa sahaja yang mereka berminat. 10

Berikut ialah kemudahan yang disediakan:

- | | |
|-----------------------|----|
| 1. Kolam renang | |
| 2. Medan bola tangkis | |
| 3. Medan futsal | 15 |
| 4. Bilik senaman | |
| 5. Bilik membaca | |
| 6. Bilik komputer | |

Pengguna kemudahan-kemudahan ini mestilah menggunakan kemudahan yang ada dengan baik dan tidak merosakkan apa-apa yang disediakan di sini. 20

Pusat ini akan dibuka pada 1 haribulan Julai 2014 pada jam 3 petang oleh Datuk Hassan Abdullah, Pengerusi Kesatuan Bimbingan Remaja. Pelancaran ini akan diadakan dalam sebuah majlis minum teh di dewan besar di pusat ini. Semua dijemput hadir, terutama sekali ibu-bapa remaja yang berminat untuk mengguna kemudahan di pusat ini.

Mereka yang ingin hadir dikenakan bayaran sebanyak RM20.00 seorang dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah percuma. Ibu-bapa akan diberitahu tentang pusat ini dan kemudahan yang disediakan. Ibu-bapa juga digalakkan untuk memberi sumbangan sama ada dari segi memberi perkhidmatan secara sukarela ataupun secara sumbangan wang. 25

Para remaja yang berminat untuk menjadi ahli boleh berjumpa dengan sukarelawan yang bertanggungjawab bagi setiap aktiviti untuk mengetahui lebih lanjut tentang aktiviti yang disediakan. 30

Kami harap pusat ini akan mendapat sambutan daripada ibu-bapa dan juga masyarakat di bandar ini untuk manfaat remaja kita.

- 17 Menurut baris 1-4, apakah faedah kegiatan-kegiatan yang disediakan di pusat ini?
- (i)[1]
- (ii).....[1]
- 18 Siapakah yang boleh mendapat manfaat dari pusat ini?
-[1]
- 19 Apakah tujuan mereka adakan pusat ini?
- (i)[1]
- (ii).....[1]
- 20 Siapakah yang akan membimbing remaja-remaja ini dalam kegiatan yang disediakan?
-[1]
- 21 Bilakah pusat ini akan diresmikan?
-[1]
- 22 Siapakah yang dijemput untuk menghadiri majlis pelancaran ini?
-[1]
- 23 Siapakah yang boleh hadir acara ini dengan percuma?
-[1]
- 24 Apakah yang boleh dibuat oleh para remaja yang berminat semasa pelancaran ini?
-[1]

[Jumlah: 10 markah]

TURN OVER FOR SECTION 3

Bahagian 3**Latihan 1 Soalan 26–32**

Baca laporan di bawah ini dan tandakan sama ayat-ayat berikutnya betul atau salah. Bagi setiap ayat yang salah, tulis satu ayat untuk membetulkannya.

Ipoh (Ahad): Seorang lelaki dan dua orang wanita telah terlibat dalam satu kemalangan jalanraya yang berlaku pada pukul 11 malam semalam. Lelaki tersebut, Mohd Salleh Ali, 48, patah kakinya dan masih dirawat di hospital, sementara kedua-dua orang wanita itu, Lee Siew Lan, 18, dan Amirah Amin, 24, yang mengalami cedera ringan telah dihantar pulang.

Mohd Salleh ialah pemandu teksi yang ditumpangi oleh Lee dan Amirah dan mereka sedang menuju ke Taiping apabila kereta mereka terlanggar sebuah lori dari belakang. Semasa kemalangan itu, hujan ribut.

Menurut seorang jurucakap polis, kemungkinan besar Mohd Salleh tidak nampak lori yang rosak di depannya. Seorang pemandu bas serta beberapa orang penumpang telah turun dari bas mereka untuk menolong mangsa kemalangan ini. Mereka menarik mangsa kemalangan ini keluar dan menelefon ambulan serta polis.

Menurut Puan Kalsum Samad, 50, ibu Amirah, anaknya sedang dalam perjalanan untuk pulang ke rumah selepas tamat pengajian di sebuah kolej di Ipoh.

“Biasanya saya dan suami saya akan menjemputnya dari kolej tetapi kali ini dia kata dia akan naik teksi,” kata Puan Kalsum semasa ditemui di hospital.

Isteri Mohd Salleh, Puan Junaidah Idris, berkata suaminya sepatutnya tidak bekerja pada malam itu tetapi telah dipanggil untuk bekerja sebab kekurangan pemandu.

Lee Ah Bah, bapa Siew Lan berkata dia gembira anaknya tidak mendapat cedera parah dan boleh dibawa pulang.

Contoh:

BETUL

SALAH

Kemalangan ini berlaku pada waktu siang.

.....
Kemalangan ini berlaku pada waktu malam

26 Dua orang wanita terbunuh dan seorang lelaki cedera.

27 Sebuah lori langgar mereka dari belakang.

28 Kemalangan itu berlaku semasa cuaca buruk.

29 Sebelum ambulan datang, mangsa kemalangan ini dibantu oleh seorang pemandu bas dan beberapa orang penumpang.

30 Menurut ibunya, Amirah dalam perjalanan pulang ke kolej selepas bercuti.

31 Pemandu teksi itu sepatutnya berada di rumah pada malam itu.

32 Siew Lan sudah boleh pulang selepas dirawat di hospital.

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 33–40

Berikut ialah iklan mengenai kerja sementara di hotel. Baca dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Hotel Samudera ada beberapa jawatan sementara yang sesuai untuk para pelajar yang minat bekerja untuk mendapat pengalaman. Ada sepuluh jawatan kosong di Hotel Samudera di bandar Alor Setar dan lima jawatan kosong di Hotel Samudera Pulau Pinang.

Untuk kedua-dua buah hotel ini kami memerlukan lima orang pelayan yang bekerja di restoran, tiga orang penyambut tetamu, lima orang pembantu pejabat dan dua orang yang boleh membantu di dapur.

Sesiapa yang berminat mestilah menghubungi pejabat kami dan hantar surat permohonan untuk menyatakan jawatan mana yang anda inginkan. Pemohon mestilah menyatakan minat serta juga pengalaman bekerja mereka. Orang yang tidak ada pengalaman bekerja juga digalakkan untuk membuat permohonan.

Sila nyatakan bila anda boleh bekerja dan di hotel mana.

Kami memberi bayaran sebanyak RM 100 sehari dan mereka yang diambil bekerja akan diminta bekerja empat hari seminggu. Mereka yang berjaya juga dikehendaki bekerja sekurang-kurangnya satu hari di hujung minggu dan juga pada waktu malam.

Semua yang membuat permohonan mestilah pandai bergaul dengan orang ramai, terutama sekali pelancong dari luar negara. Kebolehan bercakap lebih daripada dua bahasa adalah sesuatu yang dicari oleh pihak hotel kerana kebanyakan tetamu kami adalah dari luar negara.

Tarikh tutup permohonan ialah pada akhir bulan Ogos tahun ini.

Jawab soalan-soalan ini:

- 33 Iklan ini ditujukan kepada siapa?
.....[1]

- 34 Apakah jawatan kosong yang ditawarkan di kedua-dua buah hotel? Beri **dua** jawapan.
 - (i)[1]
 - (ii).....[1]

- 35 Apakah yang pemohon mesti nyatakan dalam surat mereka?
.....
.....[2]

- 36 Siapakah juga digalakkan untuk buat permohonan?
.....[1]

- 37 Bagi yang berjaya, berapa harikah mereka diperlukan untuk bekerja?
.....[1]

- 38 Bilakah mereka dikehendaki bekerja?
.....[1]

- 39 Kebanyakan pelanggan mereka datang dari mana?
.....[1]

- 40 Selain daripada pandai bergaul dengan orang ramai, kebolehan apakah lagi yang diingini oleh pihak hotel?
.....[1]

[Jumlah: 10 markah]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.